

KONSEP SPIRITUAL HISBAH: KAJIAN PARAMETER PENGAWASAN MENURUT AL-QURAN

Aida Hartini Nan ⁱ, Sakinah Abdul Mokti ⁱⁱ, Siti Fazidatul Zahariah Mat Saleh ⁱⁱⁱ Saadiyah Mohd ^{iv} Sharifah Nurulhuda S Ab Latif ^v

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah.

Emel: aida@usas.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. Emel: sakinah@usas.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial (FPISS), Universiti Sultan Azlan Shah. Email: fazidatul@usas.edu.my

^{iv} Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial (FPISS), Universiti Sultan Azlan Shah. Email: saadiyah@usas.edu.my

^v Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial (FPISS), Universiti Sultan Azlan Shah. Email: sharifahnurulhuda@usas.edu.my

ABSTRAK

Elemen pengawasan sangat penting bagi memastikan semua tingkah laku manusia dikerjakan selari dengan syariat dan nilai-nilai Islam. Hisbah adalah merupakan konsep pengawasan yang berpandukan syariat dengan cara menyuruh kepada kebenaran dan mencegah daripada kemungkaran. Pengawasan bukan sekadar melibatkan aktiviti luaran manusia bahkan perlu kepada pengawasan dalaman yang melibatkan spiritual dan rohani. Justeru itu, kajian ini memfokuskan kepada satu istilah iaitu “Spiritual Hisbah” yang bertujuan untuk meneliti tiga (3) objektif utama iaitu mengetahui konsep spiritual hisbah sebagai pendekatan pengawasan rohani, mengenal pasti parameter spiritual hisbah dalam mengawasi rohani manusia menurut al-Quran dan menganalisis indikator bagi setiap parameter pengawasan tersebut. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode analisis kandungan sebagai instrumen pengumpulan data dan penganalisisan data melalui pengkelasan tema dan deskripsi. Hasil kajian mendapati terdapat enam (6) parameter berkonsepkan spiritual hisbah di dalam al-Quran serta indikator-indikator khusus bagi setiap parameter tersebut. Implikasi kajian ini diharap mampu memberi pemahaman yang jelas tentang konsep spiritual hisbah dan seterusnya dapat membantu para pendakwah khususnya serta masyarakat Islam umumnya dalam pengawasan dan penjagaan spiritual.

Kata-kata Kunci: Spiritual Hisbah, Pengawasan, Parameter al-Quran, Rohani, Indikator Pengawasan

PENGENALAN

Dalam era globalisasi dan teknologi, cabaran yang melibatkan nilai integriti, tanggungjawab, akhlak dan nilai spiritual semakin meningkat dan berleluasa. Pengawasan luaran yang bersifat formal seperti penasihat, hukuman dan penguatkuasaan undang-undang dianggap tidak mencukupi membentuk individu yang berakhlak dan berdisiplin. Oleh itu, pengawasan spiritual yang melibatkan pengawalan elemen dalaman manusia berteraskan al-Quran perlu diterapkan sebagai pendekatan utama dalam pembentukan rohani dan akhlak. Pendekatan spiritual hisbah ini dianggap sebagai pendekatan asas dalam sistem pengurusan sendiri dan sosial masyarakat.

Isu kurang pendidikan agama rata-rata menjadi punca utama keterlibatan manusia dengan maksiat dan kemungkaran (Wan Abdul Fattah et. al 2022). Selain daripada itu, faktor masalah spiritual menjadi risiko kepada keruntuhan akhlak masyarakat. Menurut Mohd Manawi et. al. (2024), perilaku seseorang manusia itu dipengaruhi oleh dalaman dan spiritual. Menurut kajian beliau, spiritual yang bermasalah seperti hubbu al-dunya (cintakan dunia), al-halu' (keluh kesah) dan hasad (dengki) menjadi punca kepada rosaknya spiritual manusia. Oleh itu, ilmu psikospiritual Islam sebenarnya adalah satu wasilah yang berfungsi sebagai penyelesaian dan pencegahan yang efektif terhadap masalah masyarakat masa kini.

Penyelesaian kepada segala permasalahan di atas telah digarapkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran. Al-Quran dijadikan oleh Allah sebagai wasilah pengawasan manusia. Al-Quran juga telah menggariskan pendekatan yang melibatkan pengawasan spiritual manusia. Firman Allah s.w.t:

- **Ayat al-Quran:**

Maksudnya: "Tidak ada sebarang perkataan yang diucapkan melainkan di sisinya ada Malaikat pengawas yang sentiasa mencatat".

(al-Quran. Qaf, 50:18)

Ayat ini secara literalnya menjelaskan, hisbah atau pengawasan itu bukan sekadar pengawasan secara luaran tetapi juga pengawasan spiritual yang berpaksikan kesedaran dalaman yang melahirkan nilai syukur, taqwa dan ihsan dalam diri manusia. Oleh itu, menjadi kepentingan bagi setiap manusia untuk mengetahui dan memahami parameter spiritual hisbah di dalam al-Quran sebagai pendekatan pengawasan serta indikator-indikator yang dapat dijadikan sebagai model dan panduan pengawasan spiritual bersepadu dalam konteks hisbah.

KONSEP SPIRITUAL HISBAH SEBAGAI PENGAWASAN ROHANI

Hisbah berasal daripada perkataan Arab iaitu *ḥasaba* yang membawa maksud meneliti, mentadbir, menghitung, meninjau, mencegah dan menahan manusia. Manakala takrif menurut syarak ianya adalah sebagai amalan yang bertanggungjawab meninjau, mentadbir, menyelaras dan memastikan semua kerja seseorang mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan dalam alquran (Mardzelah 2008) yang didasari dengan kaedah *al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar* iaitu mengajak kepada yang makruf dan mencegah kepada yang mungkar.

Menurut Mardzelah (2008) lagi, hisbah ini berperanan sebagai institusi pengawasan yang mengawal, mengawasi, memantau, menegur, menasihati dan memastikan umat Islam sentiasa melaksanakan segala perintah Allah s.w.t dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sistem pengawasan yang dipraktikkan oleh hisbah adalah berbeza dengan sistem pengawasan yang diamalkan dalam pengurusan konvensional. Walaupun secara dasarnya, matlamat sistem pengawasan yang diamalkan oleh pengurusan konvensional adalah sama dengan sistem pengawasan hisbah tetapi ianya berbeza pada sudut matlamat akhir yang mana matlamat akhir adalah untuk mendapatkan kesejahteraan bukan hanya di dunia tetapi di akhirat. Apabila berbahas tentang isu akhirat, maka perlu dikaitkan dengan hal-hal yang berkaitan dengan keimanan dan ketaqwaan. Menurut Suriani et.al (2020), iman kepada Allah merupakan elemen asas dalam menentukan tahap kecerdasan spiritual khususnya seorang muslim.

Hisbah terbahagi kepada dua peranan iaitu, hisbah luaran dan hisbah dalaman (Mardzelah 2008). Hisbah luaran ini melibatkan pengawasan akhlak yang dilaksanakan oleh sistem dan pengurusan tertentu bagi mengawal tingkah laku mungkar dalam kalangan manusia. Manakala hisbah dalaman ialah melibatkan pengawasan yang bermula daripada elemen spiritual manusia melalui pendekatan-pendekatan pengisian kerohanian. Menurut al-Ghazali (2013), bagi mendapatkan tingkah laku luaran yang positif, perlu bermula dengan pengawasan spiritual dalaman yang melibatkan empat komponen utama spiritual manusia iaitu jiwa, hati, ruh dan akal supaya tidak terjebak dengan kemungkaran spiritual yang menyebabkan kepada munculnya penyakit hati. Keempat-empat komponen ini saling berinteraksi secara dinamik yang mempengaruhi sifat dalaman manusia dan luaran manusia (Abdul Rashid 2024).

Menurut Nor Shahira Izzati dan Ahmad Fakhurazzi (2021), penjagaan dan pendidikan hati adalah melalui pengisian kerohanian dan kejiwaan agar elemen spiritual dalaman sentiasa terpelihara dan sentiasa terdorong untuk melakukan kebaikan sekaligus dapat mendekati diri dengan Allah s.w.t. Ada beberapa kajian barat juga telah menerima agama sebagai salah satu pendekatan pemulihan kerohanian. Pate & Bondi (1992) telah menyatakan bahawa nilai budaya dan agama merupakan faktor peneguh yang penting dalam kehidupan manusia. Dengan itu dicadangkan agar kandungan kursus pendidikan hendaklah mengandungi dan memberi penekanan kepada nilai spiritual dan agama. Kecerdasan spiritual boleh dianggap sebagai konstruk yang baru dan masih berada di tahap awal perkembangannya. Definisi dan dimensi kecerdasan spiritual telah menjadi perdebatan dan dibahaskan dalam wacana intelektual di Barat dari segi konsepsi dan asas epistemologi kecerdasan arus perdana barat (Suriani et. al 2018)

Jika golongan Barat sendiri telah menerima kemasukan nilai agama sebagai pendekatan pemulihan spiritual dan pembentukan akhlak, apatah lagi Islam yang sudah semestinya menjadikan nilai tauhidik bukan sekadar pendekatan pembentukan akhlak bahkan sebagai panduan dan pedoman kehidupan secara holistik. Menurut Abdul Rashid et. al (2021), penerapan konsep tauhidik ini didasari dengan muhasabah, syukur, sabar, reda dan tawakal sebagai pengisian kerohanian.

Kajian lain menyatakan model utama kepada kecerdasan spiritual seseorang adalah melalui tahap pengamalan manusia terhadap rukun Islam dan rukun Iman. Nilai kepercayaan yang mendalam kepada ketuhanan akan menjadi alat pengawasan spiritual yang efektif (Tajulashikin & Nor Faizah 2014).

Secara kesimpulannya, spiritual hisbah adalah merupakan satu pendekatan pengawasan spiritual yang menjadi unsur pertama dalam pembentukan akhlak manusia. Menjadikan al-Quran sebagai panduan utama dalam penerapan pengawasan spiritual serta pengamalan melalui indikator-indikator yang bertepatan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan sebagai instrumen pengumpulan data yang dirujuk melalui bahan-bahan akademik seperti buku, jurnal, dokumen dan latihan akademik. Al-Quran menjadi sumber rujukan utama pengumpulan data yang berkaitan dengan unsur-unsur pengawasan spiritual yang dijadikan sebagai tema utama kajian dengan menggunakan teknik tafsir maudhu'i (tafsir tematik). Penganalisisan data juga menggunakan teknik analisis kandungan melalui pengkelasan tema yang sama dan seterusnya menentukan indikator yang bersesuaian dengan tema.

Parameter Spiritual Hisbah Menurut Al-Quran.

Kajian mengulas enam (6) parameter utama menurut al-Quran sebagai wasilah pengawasan spiritual manusia iaitu:

a. Muraqabah

Muraqabah bermaksud berwaspada dan berhati-hati terhadap serangan penyakit rohani yang wujud dalam diri manusia (Aida Hartini 2023). Muraqabah juga boleh dikaitkan dengan konsep ihsan iaitu kesedaran terhadap pengawasan Allah s.w.t dalam setiap amalan manusia menjadikan manusia sentiasa berhati-hati dalam memilih amalan supaya tidak cenderung kepada maksiat dan dosa. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang (pengetahuan) Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya, Semasa dua malaikat (yang mengawal dan menjaganya) menerima dan menulis segala perkataan dan perbuatannya; yang satu duduk di sebelah kanannya, dan yang satu lagi di sebelah kirinya. Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya)”

(al-Quran. Qaf, 50:16-18)

Ungkapan ini menegaskan bahawa Allah sentiasa bersama makhluk-Nya melalui kekuasaan, keagungan, dan ilmu-Nya, serta pengawasan-Nya meliputi seluruh tempat dan keadaan. Selain itu, pernyataan bahawa Allah Maha Melihat segala yang dilakukan manusia menunjukkan bahawa tiada satu pun perbuatan yang tersembunyi daripada pengetahuan dan pengawasan-Nya. (al-Qurtubi, 2006). Ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa muraqabah merupakan asas pengawasan sendiri dalam hisbah, kerana seseorang yang sedar bahawa Allah memerhatikannya akan melaksanakan tanggungjawab dengan amanah dan jujur walaupun tanpa pengawasan manusia. Hisbah yang berkesan bermula daripada kesedaran rohani ini.

b. Muhasabah

Muhasabah bermaksud memperhitungkan atau menganalisis diri terhadap amalan-amalan yang telah dilakukan (Aida Hartini 2023). Menurut Sharifah Basirah (2022) pula, Muḥāsabah al-nafs (self-reflection) adalah satu cadangan metode untuk merawat jiwa sekali gus meningkatkan kualiti jiwa dan membangkitkan prestasi diri. Asasnya ialah sentiasa introspeksi dan menilai diri serta kesedaran terhadap diri sebagai makhluk ciptaan Allah s.w.t. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan”.

(al-Quran. al-Hasyr, 59:18)

Menurut Ibnu Kathir (2001), ayat ini bermaksud hisablah dan nilai dirimu sebelum kamu dihisab (oleh Allah kelak), serta perhatikanlah apa yang telah kamu sediakan untuk dirimu berupa amal-amal soleh sebagai bekalan bagi hari kembalimu dan ketika kamu dihadapkan kepada Tuhanmu.

Ayat ini menggesa manusia menilai amalnya sebelum dihisab oleh Allah. Ini memperlihatkan bahawa muhasabah ialah mekanisme kawalan dalaman yang mendorong individu memperbaiki kesilapan serta menilai keikhlasan dalam menjalankan amar makruf nahi mungkar. Dalam konteks hisbah, muhasabah memastikan pelaksana tidak menyeleweng daripada niat dan prinsip Islam.

c. Tawakal

Tawakal berasal daripada perkataan Arab tawakkul yang berakar daripada kata wakala, bermaksud menyerahkan urusan kepada pihak lain atau mewakilkan tanggungjawab kepada sesuatu yang dipercayai (Setiawan & Mufaridah, 2021). Dalam konteks Islam, tawakal ialah penyerahan diri kepada Allah SWT setelah berusaha secara bersungguh-sungguh (ikhtiar) dan disertai dengan keikhlasan menerima hasil yang ditentukan oleh-Nya (al-Ghazali, dalam Setiawan & Mufaridah, 2021). Imam al-Ghazali menjelaskan bahawa tawakal adalah buah daripada tauhid; suatu keadaan hati yang tenang kerana bergantung sepenuhnya kepada Allah dalam setiap urusan hidup. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: “Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

(al-Quran. Ali Imran, 3:159)

Ayat ini menyatakan bahawa apabila selesai bermusyawarah mengenai sesuatu urusan dan telah bertekad untuk melaksanakannya, maka sandarkanlah sepenuhnya kepada Allah dalam urusan tersebut. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal, iaitu mereka yang berserah diri sepenuhnya kepada Allah setelah berusaha dan berikhtiar dengan sebaik-baiknya. (Ibn Kathir, 2001)

d. Taubat

Para ulama mendefinisikan taubat sebagai penyesalan yang tulus atas dosa yang dilakukan, berhenti daripada melakukan dosa tersebut serta berazam untuk tidak mengulangnya lagi (al-Qushayri, sebagaimana dinukil oleh Sri Rahayu & Khadijah, 2016). Imam al-Ghazali turut menjelaskan bahawa taubat adalah suatu bentuk perubahan spiritual daripada jalan kesesatan kepada jalan kebenaran yang direndhai Allah. Dalam konteks hukum, bertaubat adalah fardu ain ke atas setiap mukmin kerana tiada manusia yang terlepas daripada dosa (al-Qurtubi, 2016; Ahmad Mujahideen & Hamidi, 2020). Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri”.

(al-Quran. al-Baqarah, 2:222)

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaubat, iaitu mereka yang kembali kepada kebaikan dan kebenaran setelah terlanjur dalam kesalahan. Frasa ini datang selepas perintah dan larangan Ilahi sebagai isyarat bahawa Allah menerima taubat mereka yang pernah melakukan perkara yang bertentangan dengan syariat-Nya. Ungkapan ini juga bersifat umum, merangkumi semua golongan yang kembali bertaubat daripada dosa. Dan Allah juga mengasihi orang-orang yang mensucikan diri, iaitu mereka yang bersih daripada segala perbuatan keji dan maksiat. Sebahagian ulama menafsirkan bahawa yang dimaksudkan ialah orang yang bertaubat daripada perbuatan syirik dan mensucikan diri daripada dosa-dosa. (Abi Hayyan, 2005)

Hubungannya dengan spiritual hisbah ialah taubat menjadi mekanisme pemulihan diri dan masyarakat, di mana individu yang tersilap diberi ruang memperbaiki kesalahan. Hisbah bukan sekadar menghukum, tetapi juga laluan pendidikan ke arah perubahan moral yang berterusan.

e. Sabar

Pandangan Ibnu Katsir dan Quraish Shihab menegaskan sabar sebagai amal aktif, bukan pasif meliputi ketaatan, ketahanan dalam menjauhi dosa dan menerima ujian dengan reda (Rahmawati, 2023). Dalam konteks spiritual hisbah, sabar menjadi asas kepada muraqabah, iaitu pengawasan diri yang lahir daripada kesedaran bahawa Allah sentiasa memerhati. Ia berfungsi sebagai mekanisme pengawalan emosi dan mental, membantu menenangkan jiwa, mengawal stres dan mengekalkan pandangan positif terhadap ujian hidup (Maharani et al., 2025). Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkeabajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya, kamu berjaya (mencapai kemenangan)”.

(al-Quran. Ali ‘Imran, 3:200)

Ayat ini menyeru orang beriman agar meneguhkan kesabaran dalam tiga aspek utama iaitu kesabaran dalam memelihara agama, keteguhan menghadapi musuh dengan kekuatan dan keazaman yang lebih besar, dan Kesiapsiagaan berterusan dalam mempertahankan kebenaran melalui jihad zahir dan hujah batin. (Al-Wahidi, 1995). Dalam konteks spiritual hisbah, sabar adalah nilai teras ketika menghadapi tentangan atau kesulitan dalam menegakkan kebenaran. Nilai sabar ini apabila diaplikasikan secara konsisten ianya akan menjadi sumber kekuatan rohani bagi menghindari maksiat dan dosa.

f. Syukur

Menurut al-Ghazali, konsep syukur merupakan satu manifestasi rohani yang mencakupi tiga elemen utama, iaitu ilmu, hal, dan amal. Selain itu, syukur bermaksud rasa reda terhadap nikmat Allah yang dizahirkan melalui tindakan positif dan dibahagikan syukur kepada dua dimensi utama, iaitu al-shukr al-dākhiliyah (syukur dalaman) yang melibatkan penerimaan dan kesedaran hati terhadap nikmat Allah, serta al-shukr al-khārijyah (syukur luaran) yang dizahirkan melalui ucapan dan perbuatan ketaatan. Kedua-dua dimensi ini menjadikan syukur sebagai penghayatan iman yang menyeluruh meliputi hati, lisan dan amal (Rusdi, 2016). Dari sudut perspektif psikologi moden pula, syukur didefinisikan sebagai emosi positif yang muncul apabila individu mengakui dan menghargai kebaikan yang diterima, yang menimbulkan kesejahteraan psikologikal (Noraini & Nor Ba'yah, 2011). Firman Allah S.W.T:

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu)”. Dan sesiapa yang bersyukur maka faedahnya itu hanyalah terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidaklah menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi Maha Terpuji.”

(al-Quran. Luqman, 31:12)

Ayat ini menegaskan bahawa syukur kepada Allah bukan sekadar pengiktirafan terhadap nikmat, tetapi juga sebab kepada kemuliaan dan manfaat bagi diri sendiri. Nikmat yang diiringi kesyukuran menjadi tanda keistimewaan seseorang di sisi Allah, manakala ganjaran kesyukuran itu kembali kepada hati dan kehidupan orang yang melakukannya. (Ibnu Kathir, 2001). Dalam konteks spiritual hisbah, syukur menanam rasa tanggungjawab terhadap amanah yang diberikan oleh Allah. Seorang yang bersyukur akan menggunakan kedudukan dan nikmatnya untuk memperbaiki dirinya dan masyarakat serta sentiasa merasa cukup dan bahagia atas nikmat dan ujian. Terhadap enam parameter spiritual hisbah dalam al-Quran yang dikeluarkan melalui hasil analisis tentang kaedah dan pendekatan pengawasan spiritual daripada kajian-kajian lepas.

INDIKATOR PARAMETER SPIRITUAL HISBAH

Setiap parameter yang dibincangkan, disertai dengan beberapa indikator atau kayu ukur dalam menilai tahap pemahaman dan pengaplikasian manusia tentang parameter spiritual hisbah tersebut. Ini bermaksud mereka yang mempunyai keimanan yang tinggi kepada Allah S.W.T perlu membuktikan dari aspek perbuatan, percakapan dan pemikiran bahawa beliau beriman kepada Allah S.W.T. Sabda Rasulullah S.A.W:

Maksudnya: “Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah berkata baik atau diam. Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah menghormati jiran tetangganya. Dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah menghormati tetamunya.”

(Riwayat Bukhari: 6018 & Muslim: 47)

Daripada hadis ini, akan difahami bahawa bagi mereka yang mengaku beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka indikator atau kayu ukurnya terbahagi kepada tiga iaitu, mereka akan bercakap perkara yang baik sahaja. Jika tiada perkara baik untuk dilafazkan, maka mereka akan lebih memilih untuk diam. Kedua, mereka yang sentiasa menghormati dan melayani dengan baik jiran tetangga dan ketika adalah menghormati dan melayani dengan baik para tetamu yang mendatangi rumahnya. Oleh itu, kajian ini juga telah menetapkan beberap indikator bagi setiap parameter spiritual hisbah seperti jadual berikut:

Jadual 1: Parameter Spiritual Hisbah Menurut al-Quran beserta Indikator

Parameter	Ayat al-Quran	Indikator
Muraqabah (kesedaran akan pengawasan Allah)	Surah Qaf (50):16-18	<ul style="list-style-type: none"> • Merasakan kehadiran Allah dalam setiap tindakan • Menjauhi maksiat walau tiada pengawasan manusia. • Mengawal niat dan tingkah laku kerana malu kepada Allah
Muhasabah (penilaian diri)	Surah al-Ḥasyr (59):18	<ul style="list-style-type: none"> • Menilai amal dan niat setiap hari. • Mengakui kesilapan dan memperbaikinya.
Tawakal (kebergantungan kepada Allah)	Surah Ali ‘Imran (3):159	<ul style="list-style-type: none"> • Tenang selepas berusaha. • Tidak berputus asa ketika gagal. • Meyakini segala urusan di bawah kehendak Allah.
Taubat (penyesalan atas dosa)	Surah al-Baqarah (2): 222	<ul style="list-style-type: none"> • Menyesali dosa dan berazam tidak mengulanginya • Memohon keampunan dengan ikhlas. • Melakukan amal soleh sebagai penebus dosa.
Sabar (ketahanan dalam menjauhi dosa)	Surah Al-Imran (3): 200	<ul style="list-style-type: none"> • Tabah dan tidak mengeluh ketika diuji. • Menahan marah dan kecewa • Tetap istiqamah dalam kebaikan.
Syukur (reda ayas nikmat Allah)	Surah Luqman (31): 12	<ul style="list-style-type: none"> • Mengucap syukur dalam setiap keadaan. • Menggunakan nikmat secara berhemah. • Membantu orang lain sebagai tanda syukur.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada keseluruhan perbincangan di dalam kertas kerja ini, didapati bahawa al-Quran telah menggariskan panduan berkaitan pengawasan spiritual manusia yang bersifat secara menyeluruh merangkumi kawalan diri, penilaian hati dan tanggungjawab diri dalam menghindari perkara yang dilarang Allah. Implikasi daripada pengaplikasian spiritual hisbah sebagai pendekatan pengawasan rohani akan melahirkan masyarakat yang berdisiplin dan berintegriti. Pengawasan spiritual ini bukanlah sekadar pendekatan, tetapi ianya meliputi gaya hidup seorang muslim yang sentiasa mendekatkan diri dengan Allah S.W.T.

RUJUKAN

- Abdul Rashid, A. A. et. al. (2021). Konsep dan Perspektif Tauhidik dalam Meningkatkan Kebahagiaan Kendiri. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* (10)1. Hlm: 64-79. https://www.researchgate.net/publication/349917151_KONSEP_DAN_PERSPEKTIF_TAUHIDIK_DALAM_MENINGKATKAN_KEBAHAGIAAN_KENDIRI#fullTextFileContent
- Ahmad Mujahideen, H. Y., & Hamidi, A. G. (2020). Konsep Taubat Menurut Perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(29), 100–108.
- Aida Hartini, N. (2023). Pendekatan Spiritual Hisbah Dalam Sistem Pengurusan Pengawasan Islam Di Bahagian Agama Dan Kaunseling Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman. *Prosiding Bicara Dakwah Kali Ke 23 – Seminar Kebangsaan Tokoh Dakwah Antarabangsa*. 14-15 November 2023.
- Al-Qurtubī Muhammad Bin Ahmad. (2006) *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*. Ditaḥqīq oleh Abdullah Bin Abdul Muḥsin. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Wāḥidī, (1995). *Al-Wajīz fi al-Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz*, Taḥqīq Safwān ‘Adnān Dāwodī, Damsyiq: Dār al-Qalam
- Ibnu Kathīr. (2001). *Tafsīr al-Quran al-‘Azīm*. Kaherah. Muassasah al-Mukhtār.
- Maharani, W. O. A., Shofiah, V., & Rajab, K. (2025). Model Psikoterapi Sabar dalam Perspektif Psikologi Islam. *Al-Zayn: Jurnal Ilmu Sosial & Hukum*, 3(2), 139–146.
- Mohd Manawi, M. A. et. al. (2024). Masalah Spiritual Remaja Berisiko dan Faktor yang Mempengaruhinya: Satu Kajian Literatur. *Jurnal Pengajian Islam* (1)2. Hlm: 1-20. https://www.researchgate.net/publication/386358668_Masalah_Spiritual_Remaja_Berisiko_dan_Faktor_yang_Mempengaruhinya_Suatu_Kajian_Literatur_Spiritual_Problems_among_at-Risk_Youth_and_Influencing_Factors_A_Literature_Review/fulltext/674ebdd3359dcb4d9d4ef019/Masalah-Spiritual-Remaja-Berisiko-dan-Faktor-yang-Mempengaruhinya-Suatu-Kajian-Literatur-Spiritual-Problems-among-at-Risk-Youth-and-Influencing-Factors-A-Literature-Review.pdf?origin=scientificContributions
- Nor Shahira Izzati, Z. & Ahmad Fakhurrazzi, M. Z. (2021). Pendidikan Hati dalam Membina Akhlak Manusia. *Jurnal Wacana Sarjana* (5)2. Hlm: 1-11. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/407/317>
- Noraini Abdul Raop, & Nor Ba' Yah Abdul Kadir. (2011). Pengertian hidup, syukur dan hubungannya dengan kegembiraan subjektif di kalangan pekerja. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2), 349–358.

- Rahmawati, L. (2023). Konsep Sabar dalam Perspektif Ulama Tafsir. *Al-Hikmah: Jurnal Theosofi dan Peradaban Islam*, 5(2), 182–198.
- Rusdi, A. (2016). Syukur dalam psikologi Islam dan konstruksi alat ukurnya.
- Setiawan, D., & Mufarihah, S. (2021). Tawakal dalam Al-Qur'an serta implikasinya dalam menghadapi pandemi Covid-19. *Jurnal Studi Al-Qur'an*, 17(1), 1–16. <https://doi.org/10.21009/JSQ.017.1.01>
- Sharifah Basirah, S.M. et. al. (2022). Muhasabah al-Nafs (Self-Reflection) dalam Menangani Keresahan Spiritual. *Jurnal Usuluddin* (50)1. Hlm: 43-72. https://www.researchgate.net/publication/363665441_Muhasabah_Al-Nafs_Self-Reflection_dalam_Menangani_Keresahan_Spiritual_Spiritual_Distress_Self-Reflection_Muhasabah_Al-Nafs_in_Dealing_with_Spiritual_Distress#fullTextFileContent
- Sri Rahayu, D., & Khadijah, M. K. @ Hambali. (2016). Konsep Taubat Menurut Islam dan Kristian dari Perspektif Perbandingan. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 18(1), 43–90. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol18no1.2>.
- Suriani, S., Fariza, M. S. & Phayilah, Y. (2020). Iman kepada Allah Sebagai Asas Kecerdasan Spiritual Muslim. e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAHA 2020). 21-24 Februari. https://conference.uis.edu.my/thiqah/images/e-prosiding2020/e-proceedingthiqah20_007_IMAN-KEPADA-ALLAH.pdf
- Tajulashikin, J. & Nor Faizah, A. (2014). Perbandingan Konsep kecerdasan Spiritual dari Perspektif Islam dan Barat: Satu Penilaian Semula. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic 2014*. 4-5 Mac.
- Wan Abdul Fattah, W. I. et. al. (2020). Permasalahan Keruntuhan Akhlak dalam Kalangan Remaja Muslim di Malaysia: Isu, Cabaran dan Cadangan Penyelesaian. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies* (26)2. Hlm: 47-61. https://www.researchgate.net/publication/361560133_Permasalahan_Keruntuhan_Akhlak_dalam_Kalangan_Remaja_Muslim_di_Malaysia_Isu_Cabaran_dan_Cadangan_Penyelesaian#fullTextFileContent.